

# Mahasiswa UMSKAL perlu miliki kemahiran insaniah dalam pembelajaran

NST 8.12.15 9

LABUAN: Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) perlu memiliki kemahiran insaniah pembelajaran dan aktiviti pembangunan mahasiswa termasuklah kurikulum kata, Timbalan Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan, Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal.

Beliau berkata, penekanan terhadap penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kurikulum dan program-program yang dianjurkan oleh universiti merupakan satu kaedah yang berkesan dalam mengasah kemahiran generik dalam kalangan siswazah di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

"Matlamat negara untuk mewujudkan mahasiswa yang tidak sahaja berilmu pengetahuan tetapi juga berketerampilan, berakhlik mulia, bertanggungjawab serta berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan kemakmuran Negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis penutupan Karnival Kokurikulum UMSKAL (KARKOM KAL) Semester 1 Sesi 2015/2016) di Dewan Utama UMSKAL, malam Sabtu.

Hadir sama Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP), Universiti Malaysia Sabah, Jainurin Justine dan Pengarah Karnival Kokurikulum UMSKAL Semester 1 Sesi 2015/2016, Sarvana



KARNIVAL... Peserta-peserta Karnival kokurikulum berjaya menyatupadukan mahasiswa UMSKAL.

A/L Nadarajah.

Sementara itu, beliau berharap matlamat utama karnival ini iaitu untuk mempamerkan kemahiran insaniah mahasiswa yang telah diterapkan sepanjang semester melalui penganjuran aktiviti dan program di dalam Karnival Kokurikulum akan tercapai.

"Saya yakin dan percaya bahawa penglibatan mahasiswa dalam Karnival Kokurikulum (Karkom-Kal) ini mampu membentuk jati diri insan

yang cemerlang serta penganjuran Karnival Kokurikulum ini akan merapatkan lagi hubungan antara UMSKAL dengan komuniti setempat sejajar dengan hasrat Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah yang mahu memasyarakatkan UMS khususnya dalam kalangan pelajar bersama masyarakat tempatan," katanya.  
**-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabah-times.com.my)**



LAWAT .... Dr Geoffrey (dua kiri) dan Jainurin (tiga kiri) melawat gerai pameran kursus Bomba sempena Karnival Kokurikulum UMSKAL (Karkom KAL) Semester 1 Sesi 2015/2016 di Dewan Utama UMSKAL